



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI KEDAH**

**PELAN STRATEGIK | 2018  
MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI KEDAH | 2022**

# ISI KANDUNGAN

---

Perutusan Yang Dipertua	1
Ringkasan Eksekutif	2
Sejarah MPSPK	3
Kawasan Pentadbiran MPSPK	4
Logo MPSPK	4
Carta Organisasi	5
Fungsi MPSPK	6
Peranan MPSPK	6
Punca Kuasa MPSPK	7
Pemegang Taruh / Stakeholders	8
Pelanggan MPSPK	8
Rakan Strategik MPSPK	9
Visi, Misi Dan Nilai Bersama MPSPK	9
Teras Strategi 1	10 - 14
Teras Strategi 2	15 - 19
Teras Strategi 3	20 - 24
Teras Strategi 4	25 - 26
Teras Strategi 5	27 - 31
Statistik Keseluruhan Pembangunan Pelan Strategik MPSPK 2018-2022	32
Elemen Penentu Kejayaan	33
Penutup	34

# PERUTUSAN YANG DIPERTUA



Alhamdullilah, bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) dapat menerbitkan Pelan Strategik MPSPK 2018-2022 pada tahun ini. Pelan strategik ini merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik 2012-2017 untuk merealisasikan visi dan misi MPSPK. Sesungguhnya setiap perancangan perlu ada supaya Sungai Petani Menjadi Perbandaran Terunggul Menjelang 2022.

Pelan Strategik ini merupakan usaha berterusan MPSPK bagi merangka hala tuju dan strategik baru bagi Memperkasakan Perkhidmatan Melalui Pemantapan Tadbir Urus Dan Penyampaian Perkhidmatan Yang Efisien Ke Arah Perbandaran Yang Berdaya Huni. Tindakan yang tepat dan jitu berhubung segala aspek pentadbiran dan pembangunan di kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sungai Petani. Ini secara langsung dapat memaksimumkan segala sumber yang kita ada untuk digembangkan dalam usaha menjadikan MPSPK organisasi yang gemilang.

Bagi menjayakan pelan strategik ini, adalah diharapkan semua pihak yang berkaitan dapat memberi sokongan padu dalam memastikan visi, misi dan sasaran yang ditetapkan tercapai. Sesungguhnya sokongan padu dari semua pihak adalah kunci utama terhadap kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik MPSPK 2018-2022.

Semoga dengan adanya Pelan Strategik ini dapat menjadi rujukan dan panduan kita dalam usaha mengharungi segala cabaran dan halangan mendatang agar kita tidak menyimpang daripada landasan sebenar.

Akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyediakan dan menyiapkan Pelan Strategik MPSPK 2018-2022.

**NORIZAN BIN KHAZALI, AMK,.BCK**

**YANG DIPERTUA**

**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik MPSPK 2018 - 2022 ini adalah merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik MPSPK 2012 - 2017 yang lalu.

Dokumen ini adalah merupakan rujukan utama kepada hala tuju MPSPK bagi tempoh LIMA (5) tahun akan datang dalam usaha mencipta dan membentuk budaya kerja cemerlang dan identiti organisasi terbilang.

Pelan strategik ini mensasarkan perbandaran Sungai Petani sebagai sebuah perbandaran yang memperkasakan perkhidmatan melalui pemantapan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan yang efisien ke arah perbandaran yang berdaya huni menjelang tahun 2022.

### **1 MEMPERKASAKAN TADBIR URUS, KEWANGAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI.**

### **2 MEMANTAPKAN EKONOMI BERSEPADU BAGI KESEJAHTERAAN WARGA PERBANDARAN.**

### **3 MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN LANDSKAP, KEBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN DAN KUALITI HIDUP WARGA PERBANDARAN.**

### **4 MEMPERKASAKAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN UNTUK KESEJAHTERAAN WARGA PERBANDARAN.**

### **5 PERANCANGAN PEMBANGUNAN BANDAR YANG BERDAYA HUNI**

Kejayaan pelaksanaan teras strategik ini didokong melalui amalan Lima (5) nilai-nilai bersama yang sentiasa diamalkan oleh seluruh warga kerja MPSPK iaitu Mesra, Profesional, Sepakat, Progresif dan Komited. Pelan tindakan yang digariskan bagi menyokong setiap teras strategik diharapkan dapat memantapkan perkhidmatan teras MPSPK sekaligus meningkatkan sistem penyampaian kepada pelanggan dalaman dan pelanggan luaran.

## SEJARAH MPSPK

Sejarah awal penubuhan sistem Kerajaan Tempatan di Sungai Petani bermula pada tahun 50-an lagi, iaitu ketika Ordinan Majlis Tempatan 1952 diluluskan dan di terimapakai. Kemudian dalam tahun 1953, Lembaga Bandaran Sungai petani (“Sungai Petani Town Board”) untuk pentadbiran bandar Sungai Petani diwujudkan.

Pada 01 Ogos 1975 Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kuala Muda (MDKT. KM) ditubuhkan dengan meliputi kawasan Sungai Lalang, Jeniang, Merbok, Bukit Selambau, Bedong dan Gurun. Dan pada 01 Februari 1978 Majlis Daerah Kuala Muda (MDKM) diwujudkan bagi mengganti MDKT.KM, berikutan kuatkuasanya Undang-Undang Kerajaan Tempatan Akta 124 (Peruntukan Sementara) dan telah diwartakan mengikut Sek. 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Penubuhan ini melibatkan Pengguna Tempatan Lembaga Bandaran yang dicantumkan seperti berikut

- i) Majlis Bandaran Sungai Petani
  - Lembaga Bandaran Kuala Muda, Kota Kuala Muda, Padang Lembu, Semeling, Tanjung Dawai & Tikam Batu.
- ii) Majlis Tempatan Sungai Lalang, Jeniang, Merbok, Bukit Selambau, Bedong dan Gurun.
- iii) Majlis Daerah Kuala Muda (MDKM) dipertanggungjawabkan mentadbir keseluruhan kawasan Daerah Kuala Muda dari segi perancangan, kawalan bangunan, kesihatan, kemajuan projek dan Pelesenan.

Sungai Petani sekali lagi dinaikkan taraf kepada Majlis Perbandaran pada 02 Julai 1994 bersamaan 22 Muharram 1415H dan perisytiharan ini telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Seri Haji Osman bin Haji Aroff.,PSM.,SSDK.,DHMS.,JMN.,JP – Menteri Besar Kedah Darul Aman ketika itu.

Dengan kenaikan taraf ini, Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) dipertanggungjawabkan sepenuhnya terhadap kawalan pembangunan, pelesenan, perancangan, penyediaan kemudahan infrastruktur dan sebagainya bagi memastikan kemajuan pembangunan bandar dan kemakmuran hidup penduduk bandar Sungai Petani dan Kuala Muda amnya.

## KAWASAN PENTADBIRAN MPSPK




Daerah Kuala Muda terletak di pantai barat, utara Semenanjung Malaysia iaitu di bahagian tengah kira-kira 60KM dari Bandaraya Alor Star. Ia bersempadan dengan Daerah Yan dan Daerah Pendang di sebelah utara, Daerah Sik dan Baling di sebelah timur, serta Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Kulim di bahagian selatan. Kawasan pentadbiran MPSPK merangkumi seluruh Daerah Kuala Muda dimana keluasannya 922.6 km/p dan ibu pejabat MPSPK terletak di bandar Sungai Petani dimana ikeluasannya 41.1 km/p.

## LOGO MPSPK



# CARTA ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI, KEDAH



## FUNGSI MPSPK

Memberi perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat di kawasan pentadbiran MPSPK yang merangkumi perkara-perkara berikut:



## PERANAN MPSPK

- 01 Memaju, menggalakkan dan mengawal pembangunan perbandaran.
- 02 Memaju, menggalakkan dan menyelaras aktiviti ekonomi dan perniagaan.
- 03 Memperkasakan pengurusan hasil.
- 04 Penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur serta kemudahan awam.
- 05 Pengurusan alam sekitar, kebersihan dan kesihatan.
- 06 Pembangunan belia dan kemasyarakatan.

## PUNCA KUASA MPSPK

Pecahan kategori punca kuasa terbahagi seperti yang berikut:



### MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI

- AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)
- AKTA PERANCANG BANDAR DAN DESA (AKTA 172)
- AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133)
- AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757)

**01**

#### PERNIAGAAN

- Undang-Undang Kecil
- Perlesenan tred, perniagaan dan perindustrian 1995.
  - Iklan 2010.
  - Perlesenan penjaja & gerai 2009.
  - Hotel 2010.
  - Kolam renang 2007.
  - Tempat letak kereta berkupon 2007.
  - Rumah urut 1991.
  - Pasar 1995.
  - Kedai gunting rambut & perdandanannya rambut 1995.
  - Perlesenan establishmen makanan 1995.
  - Perlesenan anjing 1995.
  - Perlesenan tempat letak kereta persendirian 1995.

**02**

#### PEMBANGUNAN

- Undang-Undang Kecil
- Bangunan seragam 1984.
  - Kerja tanah 2017.
  - Bangunan (Bayaran-bayaran) 1989.
  - Kerja tanah (Pihak berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2016.
- Kaedah
- Pengawalan perancangan am 1996.
  - Kaedah lembaga rayuan 1996.

**03**

#### MASYARAKAT


- Undang-Undang Kecil
- Taman.
  - Tandas awam.
  - Vandalisme.
  - Pemungutan, pembuangan & Pelupusan sampah.
  - Tanah perkuburan islam.
  - Pengendalian makanan.
  - Perintah pengangkutan jalan.
  - Haiwan merayau.
  - Iklan pilihanraya.
  - Larangan merokok dalam panggung.
  - Perlesenan tempat letak kereta persendirian.

## PEMEGANG TARUH/ STAKEHOLDERS MPSPK

Pemegang Taruh (stakeholders) terbahagi kepada tiga kategori seperti dibawah:



## PELANGGAN MPSPK




## RAKAN STRATEGIK MPSPK

Empat (4) rakan strategik Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah yang terdiri daripada:



## VISI, MISI DAN NILAI BERSAMA MPSPK



## TERAS 1

01

### MEMPERKASAKAN TADBIR URUS, KEWANGAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI

#### STRATEGI

1. Memperkasakan Seksyen Latihan, Bahagian Sumber Manusia Jabatan Khidmat Pengurusan ke arah pemantapan tadbir urus.
2. Penambahbaik struktur organisasi dan skim perkhidmatan.
3. Mengkaji kecekapan proses dan sistem kerja.
4. Memperkuuhkan jalinan strategik dan penyertaan komuniti ke arah perpaduan.
5. Mempertingkatkan latihan/kemahiran penggunaan aplikasi ICT kepada warga kerja MPSPK.
6. Menambahbaik sistem kewangan yang lebih bersepadan untuk mempercepatkan proses pembayaran kepada pembekal/kontraktor.
7. Memaksimumkan penggunaan ICT dalam operasi harian Majlis.
8. Memantapkan kedudukan kewangan Majlis dengan mengamalkan langkah-langkah penjimatan.
9. Menerapkan nilai-nilai murni dan integriti warga kerja MPSPK bagi menolak persepsi negatif dari orang awam.
10. Memantapkan pengurusan aduan awam.

# TERAS STRATEGIK

<b>TERAS 1</b>					
<b>MEMPERKASAKAN TADBIR URUS, KEWANGAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KEPADA KECEMERLANGAN ORGANISASI</b>					
<b>STRATEGI 1</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/TEMPOH SASARAN</b>	<b>BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB</b>
Memperkasakan Seksyen Latihan, Bahagian Sumber Manusia Jabatan Khidmat pengurusan ke arah pemantapan tadbir urus	1) Penyediaan bengkel dan pembangunan keperluan latihan	Bilangan bengkel	2 bengkel setiap tahun	2018-2022	Bahagian Sumber Manusia
	2) Program/bengkel "Training Needs Analysis" (TNA)	Bilangan analisa latihan	1 analisis setiap tahun	2018-2022	Bahagian Sumber Manusia
	3) Bengkel penilaian/Soal selidik/maklum balas oleh pihak atasan/penyelia	Bilangan penilaian	1 penilaian setiap tahun	2018-2022	Bahagian Sumber Manusia
<b>STRATEGI 2</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/TEMPOH SASARAN</b>	<b>BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB</b>
Penambahbaik struktur organisasi dan Skim Perkhidmatan	1) Kajian keperluan perjawatan	Bilangan kajian & perbincangan	1 kajian 1 perbincangan	2020	Bahagian Pembangunan Organisasi
	2) Kajian struktur perjawatan	Bilangan perbincangan	1 perbincangan	2020	Bahagian Pembangunan Organisasi
<b>STRATEGI 3</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/TEMPOH SASARAN</b>	<b>BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB</b>
Mengkaji kecekapan proses dan sistem kerja	1) Mengadakan bengkel penyusunan & penyelarasan semula senarai tugas	Bilangan bengkel	2 bengkel	2018-2022	Bahagian Pembangunan Organisasi
	2) Bengkel semakan dan penampaikan fail meja secara berkala	Bilangan semakan	1 semakan setiap tahun	2018-2022	Bahagian Pembangunan Organisasi

## TERAS STRATEGIK

---

STRATEGI 4	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memperkuatkan jalinan strategik dan penyertaan komuniti ke arah perpaduan	1) Program/ projek pembangunan komuniti <i>berkonsepkan "work, fun and leisure"</i>	Bilangan projek	2 projek setiap tahun	2018-2022	Jabatan Pembangunan Masyarakat
	2) Menyediakan bengkel, seminar, kursus, ekspo dan karnival (cth: belia, ibu tunggal, OKU, asnaf, JKK dll)	Bilangan program	2 program setiap tahun	2018-2022	Jabatan Khidmat Pengurusan/ Jabatan Pembangunan Masyarakat
	3) Memperkasakan program/ projek inisiatif perkongsian maklumat dan kolaborasi pintar antara agensi awam dan swasta ( <i>Centralised Information</i> )	Bilangan program	1 program setiap tahun	2018-2022	Jabatan Perancangan Bandar/ Bahagian ICT/ Bahagian Perhubungan Awam
STRATEGI 5	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Mempertingkat latihan/ kemahiran penggunaan aplikasi ICT kepada warga kerja MPSPK	1) Bengkel latihan kepada warga kerja untuk tingkatkan kemahiran sistem SBPBT	Bilangan latihan	2 kali setahun	2018-2022	Bahagian ICT
	2) Program " <i>Hands on Training OSC Online</i> " untuk agensi teknikal terlibat	Bilangan latihan / modul	1 latihan / modul OSC Online setiap tahun	2018-2022	Bahagian OSC/ Bahagian ICT

# TERAS STRATEGIK

---

STRATEGI 6	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Menambahbaik sistem kewangan yang lebih bersepadu untuk mempercepatkan proses kerja	1) Projek/ program pembangunan "Sistem e-perolehan"	Bilangan sistem	1 Sistem	2019	Bahagian ICT/ Jabatan Kewangan
	2) Bengkel kakitangan/latihan dalam pembangunan sistem berkenaan	Bilangan bengkel	1 bengkel	2019-2022	Bahagian ICT/ Jabatan Khidmat pengurusan
	3) Program pelancaran proses bayaran EFT secara batch	Peratusan peningkatan proses pembayaran melalui EFT secara batch	100% proses pembayaran melalui EFT	2018	Bahagian Bayaran/ Bahagian ICT
	4) Pelaporan prestasi daftar bil secara online	Bilangan laporan	4 laporan	2019-2022	Bahagian Bayaran/ Bahagian ICT
	5) Program pelancaran penggunaan "barcode" kepada semua ejnis bil	Bilangan bil Taksiran Bilangan bil Sewaan Bilangan bil Lesen Bilangan bil Am	1 jenis bil setahun	2018-2022	Bahagian ICT/ Bahagian Hasil
STRATEGI 7	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memaksimumkan penggunaan ICT dalam operasi harian Majlis	1) Program/bengkel penamaikan sistem pengurusan kewangan	Bilangan sistem yang ditambah baik	1 sistem setahun	2018-2022	Jabatan Kewangan/ Bahagian ICT
	2) Program pembangunan modul baru	Bilangan modul	1 Modul setahun	2018-2022	Jabatan Kewangan / Bahagian ICT
	3) Program pelancaran OSC Online secara menyeluruh	Bilangan penglibatan Ahli Jawatankuasa OSC	Penglibatan 13 agensi	2018-2022	Bahagian OSC/Bahagian ICT
	4) Program penarafan / pengiktirafan pensijilan SAGA	Sijil SAGA	1 Sijil SAGA	2018-2022	Jabatan Kewangan / Bahagian ICT

# TERAS STRATEGIK

---

STRATEGI 8	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memantapkan kedudukan kewangan Majlis dengan mengamalkan langkah-langkah penjimatan	1) Program/kempen langkah-langkah penjimatan di Majlis	Pengurangan kos perbelanjaan	2 kali setahun	2018-2022	Jabatan Khidmat Pengurusan / Jabatan kewangan
	2) Program Kitar/ Guna Semula &Inovasi	Bilangan program	2 kali setahun	2018-2022	Jabatan Khidmat Pengurusan
STRATEGI 9	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Menerapkan nilai-nilai murni dan integriti warga kerja MPSPK bagi menolak persepsi negatif dari orang awam	1) Program 'Ikrar Bebas Rasuah" bagi semua pegawai MPSPK	Bilangan program	1 program setahun	2018-2022	Bahagian Audit Dalam
	2) Penganjuran program penghargaan " Pegawai Contoh" bulanan dalam jabatan	Bilanganpenganjuran anugerah penghargaan	12 kali setahun / sebulan sekali	2018-2022	Jabatan Khidmat Pengurusan / Bahagian Perhubungan Awam
STRATEGI 10	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memantapkan pengurusan aduan awam	1) Bengkel/program penambahan sistem pengurusan aduan awam	Bilangan sistem yang ditambahbaik	1 sistem setahun	2018-2022	Bahagian Perhubungan Awam/ Bahagian ICT
	2) Kursus/ latihan/ program pengurusan aduan awam	Bilangan kursus/latihan/program	2 kali setahun	2018-2022	Bahagian Perhubungan Awam/ Jabatan khidmat Pengurusan

## TERAS 2

### MEMANTAPKAN EKONOMI BERSEPADU BAGI KESEJAHTERAAN WARGA PERBANDARAN

02

#### STRATEGI

1. Mengoptimakan hasil Majlis melalui pembangunan kondusif secara perkongsian pintar dengan rakan strategik.
2. Memperkasakan promosi pelancongan Kuala Muda dalam kalender pelancongan kebangsaan.
3. Merancakkan kegiatan sosial-ekonomi penduduk.
4. Peningkatan hasil Majlis melalui semakan semula Kadar- cukai taksiran, lesen, sewaan.
5. Memantapkan keupayaan kutipan hasil dan tunggakan hasil majlis dengan mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan teknologi ICT untuk memantapkan kedudukan kewangan Majlis.
6. Pembasmian kemiskinan bandar

# TERAS STRATEGIK

<b>TERAS2</b>						<b>MEMANTAPKAN EKONOMI BERSEPADU BAGI KESEJAHTERAAN WARGA PERBANDARAN</b>							
<b>STRATEGI 1</b>		<b>PROGRAM</b>		<b>INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)</b>		<b>SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)</b>		<b>TAHUN/ TEMPOH SASARAN</b>		<b>BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB</b>			
Mengoptimakan hasil Majlis melalui pembangunan kondusif secara perkongsian pintar dengan rakan strategic		Program pembangunan tanah secara ' <i>joint venture</i> '								Jabatan Perancangan Bandar/Jabatan Bangunan/Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta			
		i. Pembangunan bercampur Lot PT47468, Mukim Sg. Petani, Daerah Kuala Muda.		Bilangan peratusan unit yang dibangunkan		100%		2020					
		ii. Pembangunan Lot 7248PT9853, Mukim Gurun, Daerah Kuala Muda.		Bilangan peratusan unit yang dibangunkan		100%		2022					
<b>STRATEGI 2</b>		<b>PROGRAM</b>		<b>INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)</b>		<b>SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)</b>		<b>TAHUN/ TEMPOH SASARAN</b>		<b>BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB</b>			
Memperkasakan promosi pelancongan Kuala Muda dalam kalendar pelancongan kebangsaan		1. Penyertaan Program Matta Fair		Bilangan penyertaan		2 kali setahun		2018-2022		Jabatan Pembangunan Masyarakat			
		2. Penyertaan Program World Travel Mart		Bilangan penyertaan		Setahun sekali		2018-2022					
		3. Projek/program kolaborasi bersama agensi pelancongan di Malaysia		Bilangan penggiat @ Bilangan program		50 penggiat/program @ 4 kali setahun		2018-2022					
		4. Kedah Tua International Conference dan Kedah Tua Festival		Bilangan pelawat		6,000 – 8,000 orang		2018-2022					
		5. Festival Alam dan Manusia		Bilangan pelawat		2,000 – 3,000 orang		2018-2022					

# TERAS STRATEGIK

STRATEGI 2	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memperkasakan promosi pelancongan Kuala Muda dalam calendar pelancongan kebangsaan	6. Seminar Jerai Geo park	Bilangan peserta @ Bilangan program	200 peserta @ 4 program	2018-2022	Jabatan Pembangunan Masyarakat
	7. Projek/ program peningkatan prasarana pelancongan				
	i. Arkeologi	Peratusan peningkatan prasarana infrastruktur	100%	2019	
	ii. Biologi	Peratusan peningkatan prasarana infrastruktur	100%	2020	
	iii. Geologi	Peratusan peningkatan prasarana infrastruktur	100%	2021	
STRATEGI 3	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Merancakkan kegiatan sosial-ekonomi penduduk	1. Program kelulusan permohonan permit sementara.	Peratusan pengeluaran permit sementara	80%	2020	Jabatan Bangunan
	2. Program "Business Process Re-engineering" (BPR) bagi pengeluaran lesen-lesen	Bilangan program	1 program setiap tahun	2020	Jabatan Kesihatan Persekutuan/ Jabatan Penguatkuasaan/ Bahagian Teknikal
	i. Lesen sementara	Peratusan sasaran pengurangan	70%	2020	
	ii. Lesen penjaja		50%	2020	
	iii. Lesen trade		50%	2020	

## TERAS STRATEGIK

STRATEGI 3	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Merancakkan kegiatan sosial-ekonomi penduduk	3. Program pengeluaran lesen	Bilangan lesen yang dikeluarkan	1,000 lesen	2018 – 2022	Jabatan Kesihatan Persekutuan/Jabatan Penguatkuasaan
	i. Lesen sementara		200 lesen	2018	
	ii. Lesen penjaja		500 lesen	2018	
	iii. Lesen trade				
	4. Program/ projek penyediaan tapak niaga usahawan	Bilangan tapak	50 tapak	2018	Jabatan Pembangunan Masyarakat/ Jabatan Kesihatan Persekutuan/ Bahagian Teknikal
STRATEGI 4	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Peningkatan hasil Majlis melalui semakan semula kadar-cukai taksiran, lesen, sewaan	1. Program penilaian semula	Bilangan penilaian pegangan	160,000 + 15% Pegangan setahun	2018-2022 5 tahun sekali (Akta 171)	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta/ Jabatan Kesihatan Persekutuan/ Bahagian Undang-undang/ Bahagian ICT
	2. Kajian Kadar Baru				
	i. Lesen	Bilangan kajian	1 kajian	2020	
	ii. Sewaan	Bilangan kajian	1 kajian	2020	
	3. Pindaan Undang-Undang Kecil	Bilangan Undang-Undang Kecil Pelesenan	8 pindaan	2020	

# TERAS STRATEGIK

---

STRATEGI 5	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memantapkan keupayaan kutipan hasil dan tuggakan hasil majlis dengan mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan teknologi ICT untuk memantapkan kedudukan kewangan Majlis	1. Program Penggunaan sistem terbaru dalam penguatkuasaan kutipan hasil tuggakan	Bilangan sistem	2 sistem	2018 – 2022	Bahagian Hasil/Bahagian ICT
	2. Program/ projek Penambahan “i-payment kiosk” dan agen bayaran untuk mempertingkatkan kecekapan kutipan hasil	Bilangan agen	3 Agen	2018 – 2022	
	3. Projek/ program perluasan kawasan kutipan letak kereta	Bilangan petak letak kereta	8,000 – 10,000 petak	2018 – 2022	Seksyen Letak Kereta
	4. Projek/ program pemakaian sistem letak kereta yang lebih efisien	Bilangan sistem	1 sistem	2018 – 2022	Seksyen Letak Kereta/Bahagian ICT
STRATEGI 6	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Pembasmian kemiskinan Bandar	1. Program Expo Kerjaya MPSPK	Bilangan program	1 program/tahun	2018 – 2022	Jabatan Pembangunan Masyarakat
	2. Mewujudkan peluang pekerjaan berstatus sambilan kepada anak-anak miskin tegar	Peratusan bilangan anak yang dibawah paras miskin tegar yang mengisi jawatan	10%	2022	Jabatan Khidmat Pengurusan
	3. Bantuan baik pulih rumah	Bilangan rumah yang dibaikpulih	15 unit/tahun	2018 – 2022	Jabatan Pembangunan Masyarakat

## TERAS 3

03

### MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN LANDSKAP, KEBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN DAN KUALITI HIDUP WARGA PERBANDARAN

#### STRATEGI

1. Meningkatkan imej keindahan bandar dan perancangan pembangunan yang sejahtera.
2. Meningkatkan keindahan di pintu masuk Daerah / Cawangan / kawasan pelancongan.
3. Meningkatkan perkhidmatan penyelenggaraan landskap.
4. Meningkatkan kawalan pembangunan di kawasan lapang dan rizab landskap.
5. Meningkatkan tahap kebersihan Sungai Petani.
6. Meningkatkan tahap kesihatan penduduk Sungai Petani.
7. Memperkuuhkan kawalan persekitaran dan kesihatan awam.

# TERAS STRATEGIK

<b>TERAS 3</b> MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN LANDSKAP, KEBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN					
<b>STRATEGI 1</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/ TEMPOH SASARAN</b>	<b>BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB</b>
Meningkatkan imej keindahan bandar dan perancangan pembangunan yang sejahtera	1. Program menaiktaraf infrastruktur hijau berdasarkan konsep Bandar Selamat	Bilangan kemudahan/bilangan garis panduan Program Bandar Selamat	2 kemudahan setahun / 1 garis panduan	2018-2022	Jabatan Landskap dan Rekreasi/Jabatan Perancangan Bandar/Jabatan Kejuruteraan
	2. Projek "Tree Bank Zone" sebagai langkah mengawal aktiviti pencerobohan kawasan hijau, kawasan lapang dan rezab jalan	Bilangan lokasi	5 kawasan/tahun	2018-2022	Jabatan Landskap dan Rekreasi/Jabatan Perancangan Bandar/Jabatan Penguatkuasaan/Jabatan Kesihatan Persekitaran
	3. Projek menaiktaraf alatan permainan di taman rekreasi dan taman kejiranan	Bilangan taman	10 taman/tahun	2018-2022	Jabatan Landskap dan Rekreasi
	4. Program memperkuuh imej perbandaran yang beridentiti setempat	Bilangan lokasi	3 lokasi/tahun	2018-2022	Jabatan Landskap dan Rekreasi/Jabatan Kejuruteraan
	5. Program/ kempen kesedaran awam terhadap kepentingan landskap	Bilangan aktiviti/ program/kempen kesedaran	4 kali setahun	2018-2022	Jabatan landskap dan Rekreasi/Jabatan Kesihatan Persekitaran/Jabatan Perancangan Bandar/Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat
<b>STRATEGI 2</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/ TEMPOH SASARAN</b>	<b>BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB</b>
Meningkatkan keindahan di pintu masuk Daerah/Cawangan/Kawasan pelancongan	Projek menaiktaraf landskap di pintu masuk utama sempadan Daerah Kuala Muda	Bilangan ruang landskap	2 tempat setahun	2022	Jabatan landskap dan Rekreasi/Jabatan Kewangan/Jabatan Kejuruteraan

## TERAS STRATEGIK

---

STRATEGI 3	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Meningkatkan perkhidmatan penyelenggaraan landskap	Program penswastaan penyelenggaraan landskap	Bilangan konsesi	1 konsesi setiap tahun	2018-2022	Jabatan Landskap dan Rekreasi/Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat/Jabatan Kewangan
STRATEGI 4	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Meningkatkan kawalan pembangunan dikawasan lapang dan rizab landskap	1. Program/ projek pemeriksaan inventori dan siasatan secara menyeluruh di kawasan lapang dalam kawasan pentadbiran MPSPK	Bilangan pemeriksaan taman perumahan	10 taman/seminggu @ 520 taman setahun	2022	Jabatan Landskap dan Rekreasi/ Jabatan Perancangan Bandar
	2. Operasi pembersihan pencerobohan kawasan lapang	Bilangan operasi	2 kali sebulan @ 24 kali setahun	2018-2022	Jabatan Landskap dan Rekreasi/ Jabatan Perancangan Bandar/ Jabatan Bangunan/ Jabatan Penguatkuasaan/ Jabatan Kesihatan Persekutuan/ Jabatan kejuruteraan
	3. Projek penyediaan papan tanda amaran pencerobohan kawasan lapang dan rizab landskap	Bilangan papan tanda	100 unit	2018-2022	Jabatan kejuruteraan
	4. Program pensyaratkan kelulusan mendapatkan CCC kepada pemaju	Bilangan banner	1 banner / CCC	2018-2022	Jabatan Bangunan

# TERAS STRATEGIK

STRATEGI 5	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Meningkatkan tahap kebersihan Sungai Petani	1. Kempen kesedaran 3R dan kompos kepada warga Sungai Petani	Bilangan kempen	12 kali setahun	2018-2022	Jabatan Kesihatan Persekitaran/ Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat
	2. Projek menaiktaraf infrastruktur tandas awam kepada 5 bintang berdasarkan pengauditan dan penarafan bintang tandas awam	Bilangan tandas	10 tandas	2018 – 2022	Jabatan Kesihatan Persekitaran/ Jabatan Kejuruteraan/ Jabatan Kewangan
STRATEGI 6	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Meningkatkan tahap kesihatan penduduk Sungai Petani	1. Program/ aktiviti bersepada kebersihan dan keceriaan bandar - Pendidikan gotong-royong. - Programm cari dan musnah bersama JPP (komuniti) - Ops cuci - Kempen perangi Denggi - Kempen 3K	Bilangan program/ aktiviti diadakan di kawasan berpenduduk, kawasan terbiar dan sekolah	24 kali setahun	2018-2022	Jabatan Kesihatan Persekitaran/ Jabatan Landskap dan Rekreasi/ Jabatan Kejuruteraan/ Jabatan Perancangan Bandar/ Jabatan Penilaian/ Jabatan Pengurusan/ Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat
	2. Program anjing angkat	Bilangan program anjing angkat	12 kali setahun	2018-2022	Jabatan Kesihatan Persekitaran
	3. Bengkel modul penilaian pengawasan risiko yang sistematik bagi kawasan-kawasan tumpuan awam dalam memastikan kecekapan kawalan vector serta pencegahan wabak penyakit berjangkit	Bilangan kawasan tumpuan awam yang bermodul	4 kawasan/tahun	2018 – 2022	Jabatan Kesihatan Persekitaran/ Bahagian ICT

## TERAS STRATEGIK

---

STRATEGI 7	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memperkuatkan kawalan persekitaran dan kesihatan awam	1. Program penubuhan pasukan Skuad sukarelawan komuniti	Bilangan kawasan berisiko-Kawasan hotspot dengan	25 sukarelawan	2018 – 2022	Jabatan Kesihatan Persekitaran/ Jabatan Landskap dan Rekreasi/ Jabatan Kejuruteraan/ Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat
	2. Program premis makanan yang bersih, selamat dan sihat	Peningkatan peratusan premis makanan Gred A	Peningkatan 10% setiap tahun	2018 – 2022	Jabatan Kesihatan Persekitaran/ Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat/ Bahagian ICT

## TERAS 4

### MEMPERKASAKAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN UNTUK KESEJAHTERAAN WARGA PERBANDARAN SUNGAI PETANI

#### STRATEGI

04

1. Menguatkuasakan operasi penguatkuasaan secara berterusan.
2. Meningkatkan kemahiran anggota penguatkuasaan.

## TERAS STRATEGIK

---

<b>MEMPERKASAKAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN PERBANDARAN DEMI KESEJAHTERAAN WARGA SUNGAI PETANI</b>					
<b>TERAS 4</b>	<b>STRATEGI 1</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/ TEMPOH SASARAN</b>
					<b>BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB</b>
Memperkasakan operasi penguatkuasaan secara berterusan	Program peningkatan bilangan operasi penguatkuasaan berterusan	Bilangan operasi	900 operasi	2022	Jabatan Penguatkuasaan/Jabatan Kesihatan Persekutuan
<b>STRATEGI 2</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/ TEMPOH SASARAN</b>	<b>BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB</b>
Meningkatkan kemahiran anggota penguatkuasaan	1. Kursus/bengkel/taklimat untuk kakitangan	Bilangan kursus/bengkel/taklimat	10 kursus/bengkel/taklimat setiap tahun	2018-2022	Jabatan penguatkuasaan/Jabatan Khidmat Pengurusan/Bahagian Undang-undang
	2. Program "Hands-on-training"	Bilangan kursus/ program	2 program/ kursus setiap tahun	2018-2022	Jabatan Penguatkuasaan/Bahagian Undang-Undang/Jabatan Khidmat Pengurusan

## TERAS 5

05

### PERANCANGAN PEMBANGUNAN BANDAR YANG BERDAYA HUNI

#### STRATEGI

1. Melaksanakan perancangan pembangunan fizikal yang menyeluruh dengan penggunaan sumber secara optima bagi kehendak semasa.
2. Memperkasakan kuasa kawalan yang diperuntukan selari dengan dasar dan undang-undang untuk pembangunan yang lebih komprehensif.
3. Memantapkan kefahaman dasar dan undang-undang perancangan pembangunan bagi merealisasikan pembangunan yang sistematik.
4. Memperkuuhkan penyediaan kualiti infrastruktur bagi memenuhi kehendak semasa.
5. Melaksanakan program-program pembangunan hijau untuk kesejahteraan bandar mampan.
6. Penyediaan pelan pembangunan yang komprehensif ke arah mewujudkan perbandaran yang mampan, dinamik dan maju.

# TERAS STRATEGIK

---

TERAS 5		PERANCANGAN PEMBANGUNAN BANDAR YANG BERDAYA HUNI			
STRATEGI 1	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Melaksanakan perancangan pembangunan fizikal yang menyeluruh dengan penggunaan sumber secara optima bagi kehendak semasa	1. Projek pemanfaatan guna tanah bagi pembangunan (48%/46,092hek) 2. Kajian semula Rancangan Pemajuan (RTD Kuala Muda) 3. Rancangan Pengangkutan Bersepadu 4. Program pendaftaran kontraktor yang aktif dibawah projek-projek majlis 5. Projek/ program pembangunan disyaratkan untuk menerapkan kehendak tunai syarat sistem penuaan air hujan (SPAH) 6. Pelan penyediaan spesifikasi dan perincian rekabentuk sejagat ( <i>Universal Design</i> ) dan mematuhi MS1184 (2014) bagi tandas-tandas di bangunan-bangunan/premis awam	Peratusan keluasan guna tanah berpotensi  Bilangan kajian semula  Bilangan rancangan  Bilangan kontraktor G1 berdaftar  Bilangan piawaian	50% keluasan guna tanah (2%=1920hek)  1 Kajian semula  1 pengangkutan bersepadu  100 kontraktor setiap 2 tahun  2 piawaian	2018-2022  2018  2018-2022  2018-2022  2022	Jabatan Bangunan/Jabatan Perancangan Bandar/Bahagian Ukur Bahan/Bahagian ICT  Jabatan Perancangan Bandar  Jabatan Perancangan Bandar  Jabatan Kejuruteraan/Bahagian Ukur Bahan  Jabatan Bangunan  Jabatan Bangunan

# TERAS STRATEGIK

STRATEGI 2	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memperkasakan kuasa kawalan yang diperuntukan selari dengan dasar dan undang-undang untuk pembangunan yang lebih komprehensif	1. Rancangan Pemajuan (RSN, RT & RKK) yang sediada	Peratusan pematuhan garis panduan	100% pematuhan garis panduan	2018-2022	Jabatan Perancangan Bandar/ Jabatan Bangunan/ Jabatan Kejuruteraan/ Bahagian Undang-undang
	2. Program peningkatan pematuhan penguatkuasaan perancangan dan pembangunan secara menyeluruh	Peratusan pematuhan Akta 172	90% pematuhan kepada Akta 172	2018-2022	Jabatan Perancangan Bandar/ Bahagian Undang-undang
	3. Program memperkasaan dan pematuhan kepada undang-undang terhadap pembangunan mengikut akta yang telah diwartakan	Peratusan pematuhan Akta 133 UBBL 1984	90% 90% pematuhan kepada Akta 172	2018-2022	Jabatan Bangunan/ Jabatan Kejuruteraan/ Bahagian Undang-undang
	4. Program Penwartaan kenaan-kenaan kompaun terhadap kesalahan ketidakpatuhan terhadap undang-undang/akta/undang-undang kecil berkaitan jalan, parit dan bangunan	Bilangan kompaun	150 kompaun /tahun	2018-2022	Jabatan Bangunan/ Jabatan Perancangan Bandar/ Bahagian Undang-undang
STRATEGI 3	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memantapkan kefahaman dasar dan undang-undang perancangan pembangunan bagi merealisasikan pembangunan yang sistematis	1. Program/ latihan kursus pemahaman dasar dan undang-undang pembangunan kepada kakitangan dan masyarakat	Bilangan program/ latihan/ kursus	2 program/ latihan/ kursus	2018-2022	Jabatan Khidmat Pengurusan/ Jabatan Teknikal/ Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat/ Bahagian Undang-undang
	2. Program jalinan kerjasama dengan agensi lain yang menguatkuasakan undang-undang	Bilangan program	1 program setahun	2018-2022	Jabatan Khidmat Pengurusan

## TERAS STRATEGIK

---

STRATEGI 4	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memperkuatkan penyediaan kualiti infrastruktur bagi memenuhi kehendak semasa	1. Projek/program penyelenggaraan rangkaian sistem jalan perbandaran, perparitan dan penunjuk arah yang sistematik	Bilangan projek/ program	50 projek/ program dalam tempoh 5 tahun	2018-2022	Jabatan Kejuruteraan
	2. Projek penyediaan papan tanda berpusat	Bilangan papan tanda	3 papan tanda setiap tahun	2018-2022	Bahagian Mekanikal
	3. Projek penambahbaikan fasiliti (Contoh: hentian bas, tandas dan surau) dan infrastruktur kawasan pembangunan sedia ada dan baru	Bilangan projek	20 projek setahun	2018-2022	Bahagian Infrastruktur
	4. Projek menaiktaraf infrastruktur berteknologi tinggi dan mempelbagaikan perimeter keselamatan	Bilangan lampu LED	2,000 unit lampu LED	2018-2022	Bahagian Elektrikal
	5. Projek laluan pejalan kaki dan laluan khusus OKU	Jarak/ keluasan laluan (Meter)	1000 meter jarak/keluasan laluan disediakan setahun	2018-2022	Jabatan Kejuruteraan/ Jabatan Perancangan Bandar
	6. Pemasangan papan tanda pemakluman status penyelenggaraan infrastruktur oleh pemaju	Pemasangan papan tanda	100%	Setiap tahun	Bahagian Mekanikal

# TERAS STRATEGIK

STRATEGI 5	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Melaksanakan program-program pembanguna hijau untuk kesejahteraan bandar mampan	1. Program pematuhan pensyarat penaksiran "Green Building" dalam pembangunan baru ( <i>passive building design-solar/SPAH</i> ) kepada pemaju	Peratusan peningkatan pematuhan oleh pemaju	100% peningkatan pematuhan oleh pemaju	2018-2022	Jabatan perancangan Bandar/ Jabatan Kejuruteraan/ Jabatan Bangunan
	2. Projek teknologi "Renewable Energy" sebagai projek permulaan (Tenaga berasaskan Solar atau Angin) bersama dengan pihak swasta	Peratusan peningkatan permulaan projek/ pembangunan baru	20% peningkatan permulaan projek/ pembangunan baru	2018-2022	Jabatan Bangunan
	3. Garis panduan konsep reka bentuk bandar selamat atau " <i>Crime Prevention Through Environmental Design</i> "(CPTED) secara menyeluruh	Peratusan pematuhan garis panduan @ bilangan garis panduan	100% pematuhan garis panduan setiap tahun @ 1 garis panduan	2018-2022	Jabatan Perancangan Bandar
	4. Garis panduan kejiranan hijau dalam pembangunan baru Contoh: trek berbasikal ( <i>green lane</i> ), papan tanda info kesihatan	Peratusan pematuhan garis panduan @ bilangan garis panduan	100% pematuhan garis panduan setiap tahun @ 1 garis panduan	2018-2022	Jabatan Perancangan Bandar
	5. Garis panduan insentif/penghargaan kepada pemilik bangunan dengan teknologi hijau dan ' <i>GBI Rating</i> '	Peratusan pematuhan garis panduan bangunan hijau	100% pematuhan garis panduan bangunan hijau setiap tahun	Jun 2018	Jabatan Bangunan/Jabatan Kejuruteraan/ Jabatan Perancangan Bandar/ Jabatan landskap dan rekreasi
STRATEGI 6	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Penyediaan pelan pembangunan yang komprehensif kearah mewujudkan perbandaran yang mampan, dinamik dan maju	1. Rancangan kawasan khas	Bilangan rancangan	3 RKK	2018-2022	Jabatan Perancangan Bandar/ Jabatan Pembangunan Masyarakat/ Jabatan Kejuruteraan
	2. Rancangan pengangkutan bersepadu	Bilangan rancangan	1 rancangan	2018-2022	
	3. <i>Sungai Petani Social Impact Assessment Plan (SIA)</i>	Bilangan pelan	1 pelan	2018-2022	
	4. Pelan Penggantian RTD	Bilangan pelan penggantian	1 RTD	2018-2022	
	5. <i>Sungai Petani Environmental Impact Assessment Plan (EIA)</i>	Bilangan pelan	1 pelan	2018-2022	

## STATISTIK KESELURUHAN PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK MPSPK 2018-2022

5 TERAS STRATEGIK

31 STRATEGI

98 PROGRAM / PROJEK

01

TADBIR  
URUS

10 STRATEGI

27 PROGRAM /  
PROJEK

02

HASIL  
EKONOMI

6 STRATEGI

22 PROGRAM /  
PROJEK

03

PERBANDARAN,  
KESIHATAN,  
KUALITI HIDUP

7 STRATEGI

18 PROGRAM /  
PROJEK

04

UNDANG-UNDANG

2 STRATEGI

3 PROGRAM /  
PROJEK

05

PEMBANGUNAN  
DAN  
INFRASTRUKTUR

6 STRATEGI

28 PROGRAM /  
PROJEK

## ELEMEN PENENTU KEJAYAAN



## ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Majlis Perbandaran Sungai Petani berlitzam untuk menggerakkan agenda transformasi seperti berikut:



## PENUTUP

Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sungai Petani disediakan bagi melatih dan membentuk modal insan berasaskan kepada Lima (5) teras yang telah digariskan sebagai panduan di dalam membangunkan dan melahirkan pihak berkuasa tempatan yang berkualiti dan berprestasi tinggi.

Teras yang disediakan ini perlu disemak dan diberikan penambahbaikan dari masa ke semasa bagi memastikan ianya sentiasa dikemaskini bagi memenuhi tuntutan semasa pemegang taruh "stakeholders" dan pelanggan, selain dari memantapkan teras strategik yang telah digariskan di dalam pelan ini.

Kejayaan Majlis Perbandaran Sungai Petani ini, bergantung kepada komitmen usaha serta sokongan dari semua pihak secara berterusan bagi memastikan objektif, misi dan visi yang telah digariskan tercapai.

